

26 JUL 2001

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Tertutup Umno Kubang Pasu

JITRA, 26 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan mesyuarat tertutup Umno Bahagian Kubang Pasu yang diadakan di pejabat Umno bahagian berkenaan di sini malam ini.

Dr Mahathir yang lawatan sehari ke Kedah tiba pukul 8.10 malam.

Sebelum itu, Dr Mahathir yang juga Ketua Umno Bahagian berkenaan diraikan dalam upacara memotong kek sempena genap 20 tahun menjadi Perdana Menteri pada 16 Julai lepas.

Perdana Menteri dijangka berlepas pulang dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas pukul 11 malam ini.

-- BERNAMA

MAN FAZ